

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 4 JANUARI 2024  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 1 & 3

## 3.5 juta tidak layak dapat subsidi

Mereka terdiri daripada warga asing dan orang kaya - Perdana Menteri

# 3.5 juta tidak layak dapat subsidi

Oleh **FITRI NIZAM**  
dan **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**  
[utusannews@imelamul.com.my](mailto:utusannews@imelamul.com.my)

**PETALING JAYA:** Subsidi yang kini berjumlah hampir RM80 bilion yang sepatutnya hanya dinikmati golongan susah dikesan telah 'dirampas' oleh 3.5 juta warga asing dan orang kaya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, selama ini kerajaan membelanjakan kira-kira RM22 bilion bagi membantu rakyat miskin dan mereka yang memerlukan khususnya yang tinggal di desa dan pedalaman.

Bagaimanapun, tegas Perdana Menteri, kajian menunjukkan tidak semua peruntukan

tersebut sampai kepada golongan sasaran berikutan wujud pelbagai ketirisan.

"Mana mungkin masih wujud miskin tegar dalam negara ini sekiranya perbelanjaan berjumlah RM22 bilion dan subsidi RM80 bilion itu semuanya sampai kepada golongan miskin dan orang-orang susah.

"Kerana itu saya tidak sanggup untuk membiarkan ketirisan dana kerajaan ini berterusan atau membenarkan hak orang-orang susah dirampas golongan kaya dan berkemampuan," katanya dalam kenyataan semalan.

Sehubungan itu, katanya, sistem Pangkalan Data Utama

(PADU) yang dilancarkan kelmarin bertujuan menghentikan ketirisan dan kebocoran sedemikian seterusnya memastikan hanya mereka yang berhak dapat menikmati subsidi serta manfaat lain menerusi penyasaran berkesan.

**Bersambung di muka 3**

# 240,000 sudah daftar PADU

Oleh FITRI NIZAM  
fitri.nizam@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Sebanyak 233,782 pengguna telah berdaftar melalui sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dengan bilangan yang berjaya selesai e-KYC (Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital) seramai 118,115 orang.

Jumlah yang berjaya selesai pendaftaran melalui e-KYC merangkumi 71 peratus daripada keseluruhan pengguna berdaftar setakat pukul 10 pagi, semalam.


Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, terdapat lima isu berbangkit sepanjang pendaftaran tersebut dilakukan, iaitu nombor kad pengenalan digunakan untuk membatalkan dan menukar kata laluan, *bug/vulnerability* (pepijat/kelemahan) boleh melangkaui e-KYC dan isi maklumat dan nombor telefon sama boleh digunakan untuk mendaftar berbilang akaun.

Selain itu, menurutnya, isu-isu lain adalah aduan individu sangkut ketika mengisi butiran isi rumah dan medan data kosong selepas memproses e-KYC.

"Bagi nombor kad pengenalan digunakan untuk membatalkan dan menukar kata laluan, kelemahan dalam pengendalian pengesahan ini tidak ditemui semasa *Security Posture Assessment* (SPA). Pasukan telah mengambil tindakan segera menyelesaikannya dalam tempoh satu jam.

"Bagi melicinkan proses pengemaskinian individu, maklumat pengemaskinian boleh dilaksanakan sejurus (daftar masuk) tanpa melalui proses e-KYC," katanya dalam kenyataan semalam.

Rafizi berkata, e-KYC hanya dilaksanakan setelah pengemaskinian maklumat dan



**TERDAPAT** lima isu berbangkit sepanjang proses pendaftaran Pangkalan Data Utama (PADU) sejak diluncurkan kelmarin. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

individu ingin membuat pengesahan dan perakuan penghantaran profil.

Menurutnya, sebarang maklumat diisi tanpa e-KYC yang disahkan tidak akan diintegrasikan ke dalam PADU, sebaliknya hanya maklumat dikemukakan pengguna berjaya pengesahan e-KYC dikira sah.

"Nombor telefon yang sama boleh digunakan sebanyak lima kali bagi memudahkan pendaftaran individu yang merupakan ahli isi rumah (18 tahun ke atas) atau ibu bapa yang tidak memiliki telefon untuk membuat pendaftaran akaun PADU.

"Secara umumnya, PADU direkabentuk bagi memusatkan maklumat setiap individu bertaraf warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia.



**Perakuan bagi ahli isi rumah hanya boleh dibuat apabila ketua isi rumah telah selesai mengisi maklumat masing-masing."**

Bagi tujuan ini, setiap individu berumur 18 tahun dan ke atas perlu mempunyai akaun individu sendiri.

"Seterusnya bagi tujuan pembentukan isi rumah, individu yang berada di bawah satu isi rumah perlu dimasukkan bersama ahli lain termasuklah

mereka yang berusia di bawah 18 tahun dan bukan warganegara.

"Ia bagi memastikan maklumat isi rumah terselaras, hanya ketua isi rumah yang dibenarkan membuat pengemaskinian. Perakuan bagi ahli isi rumah hanya boleh dibuat apabila ketua isi rumah telah selesai mengisi maklumat masing-masing," katanya.

Beliau memeritahu, e-KYC merupakan proses pengesahan identiti pengguna, justeru untuk memastikan setiap maklumat dikemaskini ia perlu disimpan pada setiap pemboleh ubah.

"Setelah semua maklumat disimpan, pengguna perlu melakukan e-KYC bagi melaksanakan perakuan kepada maklumat yang telah dikemaskini," katanya.